

## Kenduri tahlil dalam banjir

*Sebuah keluarga tetap teruskan majlis biarpun rumah ditenggelami banjir*

HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

**S**ebuah keluarga dari Kampung Tersang dekat sini tetap meneruskan majlis kenduri doa selamat dan tahlil semalam meskipun kawasan rumah mereka sudah ditenggelami banjir ekoran limpahan air Sungai Golok sejak kelmarin.

Mohd Nizam Ismail, 40, berkata, ia terpaksa diteruskan sebagaimana yang telah dirancang sebelum ini kerana seluruh ahli keluarga yang berada di perantaraan sudah pulang ke kampung bagi menjayakan majlis tersebut.



Sebuah keluarga dari Kampung Tersang dekat sini tetap meneruskan majlis kenduri doa selamat dan tahlil meskipun kawasan rumah mereka sudah ditenggelami banjir sejak kelmarin.

"Secara jujur, kami tidak menjangkakan banjir berlaku lebih awal daripada kebiasaannya.

"Jemputan sudah dibuat, daripada batal, lebih baik kami teruskan seperti biasa," katanya.

Menurutnya, walaupun ban-

jir, dia tetap gembira apabila seluruh ahli keluarga pulang bagi menjayakan majlis itu.

Katanya, dia berharap majlis tersebut berjalan lancar walaupun dalam keadaan hujan.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, kerja memasak lauk-pauk

untuk kenduri itu berlangsung dalam suasana penuh meriah.

Walaupun kawasan rumah ditenggelami banjir namun ia tidak mematahkan semangat ahli keluarga untuk menyediakan menu istimewa kepada jemputan yang hadir.